

Riza perlu lalui proses kehakiman sama seperti orang lain – Najib
Free Malaysia Today
Julai 21, 2016

Saman sivil DoJ tidak akan jejas hubungan AS-Malaysia kerana ia berkaitan individu, bukannya kedudukan keseluruhan dasar kedua-dua negara.

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, anak tirinya yang turut dinamakan dalam saman sivil Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat (AS) untuk merampas aset-aset 1MDB perlu melalui proses kehakiman sama seperti orang lain.

“Sama seperti orang lain, beliau mempunyai hak beliau dan biarlah proses itu berjalan,” katanya yang dilaporkan Bernama selepas menghadiri Majlis Mesra Aidilfitri Kumpulan Felda hari ini.

Sebuah syarikat penerbitan filem yang diketuai Riza hari ini menafikan ia menerima dana AS\$64 juta (RM256 juta) secara tidak sah daripada 1MDB bagi membiayai filem “The Wolf of Wall Street” yang dibintangi Leonardo DiCaprio.

Ketua Pegawai Eksekutif Red Granite Pictures itu merupakan antara orang dinamakan dalam permohonan DoJ semalam dalam usaha menyita aset berkait 1MDB berjumlah AS\$1 bilion (RM4 bilion), kes terbesar di AS membabitkan korupsi luar negara serta rampasan terbesar dalam sejarah AS, dijangka melibatkan harta benda dan aset-aset lain yang dibeli dengan wang yang didakwa dilesapkan daripada 1MDB.

Perdana menteri menegaskan, saman sivil yang dikemukakan DoJ AS ke atas 1MDB adalah tindakan sivil.

“Perlu dijelaskan ini merupakan tindakan sivil, bukan tindakan jenayah dan ia terhad kepada nama-nama yang disebut dalam laporan DoJ.

“Oleh itu, daripada segi kerajaan kita akan beri kerjasama sepenuhnya kepada semua pihak badan siasatan antarabangsa,” katanya.

Ditanya jika saman sivil DoJ itu akan menjejaskan hubungan Malaysia dan AS, perdana menteri berkata, ia adalah isu berbeza sama sekali kerana ia berkaitan individu, bukannya kedudukan keseluruhan dasar kedua-dua negara.

Beliau berkata, pendirian kerajaan selama ini adalah tidak mahu melihat sebarang perbuatan yang melanggar undang-undang dan mereka yang terbabit akan melalui proses kehakiman di mahkamah AS.

“Maknanya seseorang itu ada peluang bela diri sendiri atau mengikut proses kehakiman di mahkamah. Kita tidak sewajarnya buat apa-apa kesimpulan selagi proses belum selesai,” katanya.

Rampasan aset bernilai lebih AS\$1 bilion (RM4.05 bilion) oleh DoJ itu adalah rampasan terbesar dalam sejarah Amerika Syarikat, dijangka melibatkan harta benda dan aset-aset lain yang dibeli dengan wang yang didakwa dilesapkan daripada 1MDB.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/07/21/riza-perlu-lalui-proses-kehakiman-sama-seperti-orang-lain-najib/>